

13/06/1999

BN Kubang Pasu mahu Dr M kekal

Hassan Ahmad

JITRA: Barisan Nasional (BN) Parlimen Kubang Pasu akan memastikan kemenangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pilihan raya umum akan datang.

Pengerusinya, Tan Sri Osman Aroff, berkata untuk tujuan itu, parti komponen BN harus berusaha gigih berikutan pilihan raya yang semakin hampir selain perkembangan politik yang menyaksikan keghairahan parti pembangkang, terutama Pas untuk menakluki Parlimen terbabit.

Menurutnya, berdasarkan keputusan pilihan raya lalu, Perdana Menteri berjaya menewaskan calon parti pembangkang dengan jumlah undi majoriti yang besar.

"BN akan berusaha kuat bagi memastikan kedudukan Dr Mahathir sebagai ahli Parlimen Kubang Pasu tidak tergugat dalam pilihan raya akan datang," katanya ketika berucap dalam majlis Mesra Pemimpin BN Kubang Pasu, di Dewan Jitra, di sini malam semalam.

Ia dihadiri kira-kira 800 orang pemimpin parti Umno, MCA, MIC dan Gerakan. Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid.

Osman berkata, parti pembangkang, terutama Pas tidak usah bermimpi untuk memenangi kerusi di Parlimen Kubang Pasu dalam pilihan raya umum akan datang.

"Kegagalan pembangkang dalam pilihan raya lalu adalah bukti pengundi di Kubang Pasu menyokong program pembangunan BN.

"Parti pembangkang tidak usah sibuk sangat untuk bertanding di kawasan ini kerana ia tidak akan memberi faedah kepada mereka," katanya.

Pada 2 Mei lalu, Dr Mahathir menegaskan, beliau akan mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu dalam pilihan raya umum berdasarkan keyakinan terhadap sokongan pengundi di kawasan itu walaupun ada sesetengah pengundi terpengaruh dengan hasutan parti pembangkang.

Menurut Dr Mahathir, beliau tidak akan 'lari' ke kawasan lain walaupun ada desas-desus mengenai cubaan pihak tertentu untuk mengelirukan pengundi di kawasan terbabit.

Sebelum itu, Presiden Parti Keadilan Nasional (KeADILan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dilaporkan bersedia bertanding di Parlimen Kubang Pasu jika penyokong parti itu inginkan beliau berbuat demikian.

Berikutan itu, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dilaporkan berkata, Pas tidak akan meletakkan calonnya di kawasan terbabit bagi memastikan kemenangan Dr Wan Azizah.

Dalam pilihan raya umum 1995, Dr Mahathir mengekalkan kerusinya bagi penggal ketujuh berturut-turut dengan memperoleh 24,495 undi manakala pencabar tunggalnya dari Pas, Ahmad Mohd Alim mendapat 7,269 undi.

Dr Mahathir mula menguasai kerusi Kubang Pasu pada 1974 dan mengekalkannya dalam pilihan raya umum 1978, 1982, 1986 dan 1990. Sebelum itu, pada 1964, Dr Mahathir menduduki kerusi Kota Star Selatan.

(END)